

TARIKH	3 SEPTEMBER 2025 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	MEJA INOVASI BOLEH DISAMBUNG PELBAGAI PERANTI		
M/S	8 (DALAM NEGERI)	KATA KUNCI	SCIENCE AND TECHNOLOGY
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY		

Meja inovasi boleh disambung pelbagai peranti

MELAKA: Seorang pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat tampil dengan inovasi unik apabila menghasilkan sebuah meja serbaguna dinamakan 'Mai Desk' yang boleh dilipat, dilaras ketinggian serta dilengkapi sistem audio dan sambungan pelbagai peranti.

Syed Zain Al Habshi Syed Mohammad, 56, berkata, idea menghasilkan meja tersebut timbul selepas menyedari trend kediaman semakin kecil dan keperluan perabot yang fleksibel kian meningkat.

Berasal dari Kuala Lumpur, dia baharu menamatkan kursus Sijil Reka Bentuk Perabot selama dua tahun di Kolej Komuniti itu, selain pernah mengikuti kursus elektronik di Giat Mara.

"Meja ini diperbuat daripada kayu pine, boleh digunakan untuk pelbagai fungsi, paras ketinggiannya boleh dilaras,



SYED Zain Al Habshi bersama Mai Desk yang boleh dilipat dan dilaras ketinggian ketika ProAlBi 2025 di Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka. - UTUSAN/AMRAN ALI

boleh dilipat, malah mudah disimpan tanpa menggunakan ruang yang besar.

"Beratnya sekitar 60 hingga 70 kilogram (kg) dan boleh digunakan sebagai meja kerja, be-

lajar malah sesuai untuk deejay atau hiburan dalaman," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* pada Program Projek Alam Bina (ProAlBi) 2025 di Kolej Komuniti Masjid Tanah semalam.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM